

27 APR 2002

Umno-Pembangkang

UMNO TERENGGANU MESTI TERIMA HAKIKAT MEREKA ADALAH PEMBANGKANG

KEMAMAN, 27 April (Bernama) -- Umno di Terengganu perlu menerima hakikat bahawa mereka adalah parti pembangkang yang memerlukan lebih komitmen dan pengorbanan terhadap agenda perjuangan parti.

Setiausaha Politik kepada Timbalan Perdana Menteri Mahathir Khalid berkata sikap merasakan sentiasa selesa dalam perjuangan harus dikikis oleh anggota-anggota Umno Terengganu.

"Kita adalah pembangkang di Terengganu dan kita tidak boleh sentiasa berada dalam keselesaan kerana jika itu berlaku, maka kita tidak akan merasa apa-apa dalam perjuangan ini.

"Sebaliknya kita mestilah bekerja keras untuk parti dan jatuh bangun bersama Umno tercinta," katanya yang mewakili Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi ketika merasmikan mesyuarat perwakilan Umno bahagian Kemaman di sini, hari ini.

Mahathir berkata beliau menerima maklumat bahawa peluang Umno untuk kembali berkuasa di negeri ini cerah berdasarkan reaksi positif rakyat terhadap Umno sejak kebelakangan ini.

Bagaimanapun, katanya semua itu tidak boleh melalaikan anggota-anggota Umno sehingga merasakan mereka sudah berada dalam zon selesa dan seterusnya tidak memberikan perhatian terhadap perjuangan parti secara berterusan.

"Walaupun rekodnya (kemenangan) memang positif, namun Umno tidak boleh terlalu yakin dan kerana itu semua pihak di dalam parti mestilah sentiasa bekerja kuat sehinggalah pilihan raya umum akan datang," katanya.

Mahathir juga meminta semua anggota Umno supaya menapis setiap maklumat yang disebar kepada mereka agar ia tidak menjadi isu yang mengelirukan sehingga boleh-boleh melemahkan parti.

"Kita mesti tapis maklumat kerana kebijaksanaan menapis maklumat itu akan menyebabkan kita tidak boleh dipesongkan oleh pihak tertentu termasuk cubaan melaga-lagakan pemimpin kita sendiri," katanya.

--BERNAMA

AYB MRA NAK